



## **KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019 PERATURAN PERTANDINGAN BOLA KERANJANG (LELAKI/WANITA)**

### **1. PERATURAN AM**

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **Undang-Undang Bola Keranjang Antarabangsa** sebagaimana yang ditetapkan oleh **International Basketball Federation (FIBA) DAN Persatuan Bola Keranjang Kebangsaan (MABA)**.
- 1.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.3.1. Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM KEJOHANAN SUKSES 2019**.
- 1.4. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bola Keranjang **KEJOHANAN SUKSES 2019** adalah muktamad.

### **2. TARIKH PERTANDINGAN**

- 2.1. **6hb hingga 10hb Ogos 2019**

### **3. TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1. **Pusat Sukan UNITEN, Bangi**

### **4. PENYERTAAN**

- 4.1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Daerah di Negeri Selangor. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing.
- 4.2. Setiap Daerah boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan (1) pasukan wanita yang terdiri daripada:-

<b>Perkara</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>
Pengurus Pasukan	1	1
Jurulatih Pasukan	2	2
Pemain	12	12
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>	<b>15</b>

## 5. KELAYAKAN PESERTA.

- 5.1. Hanya warganegara Malaysia yang bermastautin atau bekerja atau belajar di Negeri Selangor sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 5.2. Semua peserta setiap daerah hendaklah berdaftar dengan Persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor bagi melayakkan menyertai kejohanan ini.
- 5.3. Peserta hendaklah berumur bawah 20 tahun pada tarikh kejohanan atau lahir pada tahun 1999 dan selepasnya.

## 6. TAKLIMAT PENGURUSAN PASUKAN

- 6.1. Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan sebelum pertandingan dijalankan.

Tarikh : **31 Julai 2019 (Rabu)**  
Masa : **3.00 petang**  
Venue : **Majlis Sukan Negeri Selangor**

- 6.2. Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama Peserta berserta dengan Kad Pengenalan, yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3. Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Sebarang pertukaran selepas Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah tidak dibenarkan.
- 6.4. Hal-hal yang berkaitan dengan pertandingan akan diberikan semasa mesyuarat/taklimat pengurus-pengurus pasukan.

## 7. SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1. Semua peraturan dan undang-undang permainan adalah mengikuti Peraturan Antarabangsa FIBA yang terkini
- 7.2. Pembahagian kumpulan melalui cabutan undi akan ditentukan kelak semasa mesyuarat pengurus pasukan

### 7.3. Pembahagian Kumpulan

- 7.3.1. Jika terdapat lima pasukan atau kurang, pasukan akan bermain secara liga (*round robin*). Kedudukan pasukan akan ditentukan melalui sistem mata FIBA. Pasukan teratas akan diistiharkan sebagai johan, pasukan kedua teratas sebagai naib johan dan pasukan ketiga teratas sebagai tempat ketiga.

7.3.2. Jika terdapat lima pasukan hingga lapan pasukan, pasukan akan dibahagikan dalam 2 kumpulan kecil dan dua pasukan teratas akan bertanding dalam peringkat separuh akhir secara bersilang. Pasukan yang menang akan bermain dalam peringkat akhir dan yang kalah akan bermain untuk tempat ketiga/keempat.

7.3.3. Jika terdapat lebih daripada lapan pasukan, pasukan akan dibahagikan dalam 3 kumpulan kecil dan dua pasukan teratas akan masuk ke peringkat kedua X dan Y melalui undian. Pasukan teratas dalam X dan Y akan bermain dalam peringkat akhir dan yang kedua akan bermain untuk tempat ketiga/keempat.

## **8. BANTAHAN / RAYUAN**

8.1. Semua bantahan/rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh Pengurus Pasukan berkenaan kepada Juri Rayuan tidak lewat dari 30 minit selepas sahaja perlawanan berkenaan tamat.

8.2. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disertakan wang bantahan sebanyak **RM 500.00 tunai**.

8.3. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan

## **9. JURI RAYUAN**

9.1. Juri Rayuan akan dianggotai oleh:-

- i. Pengarah Pertandingan
- ii. Pengerusi Jawatankuasa Pengelola/wakil
- iii. Tiga orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan tersebut.

9.2. Juri Rayuan akan mengadakan mesyuarat dalam masa 30 minit selepas sahaja menerima bantahan/rayuan.

9.3. Keputusan mesyuarat akan diumumkan oleh Pengerusi Juri Rayuan sebaik sahaja keputusan dicapai.

9.4. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Juri Rayuan adalah muktamad.

## **10. PERKARA LUAR JANGKA**

10.1. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berhak membuat pindahan atau tambahan dalam undang-undang kejohanan ini jika terdapat kandungan yang tidak sesuai atau perlu dipindahkan.

## 11. KESELAMATAN

- 11.1. Pihak Pengelola tidak bertanggungjawab ke atas segala kemalangan dan kecederaan yang timbul semasa kejohanan dijalankan dan setiap pasukan digalakkan untuk menyediakan perlindungan insuran ke atas pasukan masing-masing.

## 12. HADIAH-HADIAH

- 12.1. Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA
1.	Berpasukan Lelaki	1(12)	1(12)	1(12)
2.	Berpasukan Wanita	1(12)	1(12)	1(12)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2 (24)</b>	<b>2 (24)</b>	<b>2 (24)</b>

### **BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

(Pengurusan Acara : KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) ke-13, 2019)